

06 NOV 2001

Mustapa-Asean

KERJASAMA ANTARA NEGARA ASEAN ELAK MASALAH KELEMBAPAN EKONOMI

MELAKA, 6 Nov (Bernama) -- Kerjasama di kalangan negara-negara Asean perlu dipertingkatkan terutamanya daripada segi perdagangan dan pelaburan bagi mengelakkan ekonomi mereka terjejas berikutan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata Amerika Syarikat adalah sebuah negara besar dan merupakan rakan dagang kepada banyak negara termasuk Malaysia, apabila berlaku kelembapan di negara berkenaan ia turut menjejaskan ekonomi di negara-negara rakan dagangnya.

"Oleh itu, langkah yang bijak ialah meningkatkan kerjasama erat antara negara serantau terutamanya di Asean," katanya kepada pemberita selepas majlis dailog mengenai ekonomi negara dan isu-isu semasa di Universiti Multimedia, di Bukit Beruang di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara-negara Asean tidak lagi bergantung kepada pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, di sidang kemuncak Asean di Brunei, semalam.

"Sekarang kita lihat apabila Amerika terjejas terutamanya selepas serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon, 11 Sept lepas, negara lain turut terjejas dan disebabkan itu, kita kena tingkatan kerjasama lebih erat di kalangan negara Asean," katanya.

Beliau berkata walaupun usaha meningkatkan kerjasama perdagangan itu telah lama wujud, pertumbuhan ekonomi negara Asean masih belum mencapai ke tahap yang membanggakan.

Mustapa berkata apa yang berlaku di Amerika Syarikat sekarang tidak akan memberi kesan serius kepada Asean sekiranya perdagangan di kalangan negara-negara berkenaan ditingkatkan.

"Oleh itu, strategi penting yang perlu dilakukan ialah mencari jalan bagaimana mengurangkan pergantungan terhadap ekonomi Amerika Syarikat. Ia bagaimanapun bukanlah menganggap Amerika Syarikat tidak penting tetapi banyak ruang yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan pelaburan di kalangan negara Asean," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata kerajaan ada menerima aduan daripada pelabur asing mengenai beberapa kenebelakangan birokrasi di negara ini antaranya kurang kerjasama antara jabatan-jabatan kerajaan.

Beliau berkata masalah itu jika tidak dapat diatasi segera, ia boleh menjejaskan usaha menarik lebih ramai pelabur menanam modal di negara ini, bagaimanapun kerajaan sedang memantau masalah itu.

Mengenai masalah pemberhentian pekerja, Mustapa berkata beliau difahamkan lebih 5,000 pekerja diberhentikan pada September lepas, bagaimanapun jumlah itu semakin berkurangan pada Oktober dan yakin masalah pemberhentian pekerja di negara ini masih belum berada di tahap yang serius.

-- BERNAMA

SBS PR